

PENERAPAN NILAI AKHLAK DALAM ASMAUL HUSNA MENURUT AL-QUSHAYRI DALAM KITAB “AL-TAHBĪR FI AL-TADHKĪR”

APPLICATION OF MORAL VALUES IN ASMAUL HUSNA ACCORDING TO AL-QUSHAYRI IN “AL-TAHBĪR FI AL-TADHKĪR”

Shahrizal Bin Mahpol¹
Mohd Baharim Bin Mayidin^{2*}
Mohd Zuhdi Bin Ismail³

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan,
(E-mail: srizal368@uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan,
(Email: baharim424@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan,
(E-mail: mohdzuhi@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 8-4-2024
Revised date : 9-4-2024
Accepted date : 21-7-2024
Published date : 15-8-2024

To cite this document:

Mahpol, S., Mayidin, M. B., & Ismail, M. Z. (2024).
Penerapan Nilai Akhlak dalam Asmaul Husna
Menurut Al-Qushayri dalam Kitab “Al-Tahbīr Fi Al-
Tadhkīr”. *Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 9 (64), 290 – 303.

Abstrak: Antara perbincangan penting yang banyak dibincangkan dalam kalangan ulama sufi ialah konsep *al-takhalluq bi akhlāq Allah* (bersifat dengan akhlak mulia yang dituntut oleh Allah). Hal ini demikian kerana pengertian tasawuf itu sendiri menurut sebahagian ulama adalah berkisar di sekitar maksud pembinaan akhlak yang mulia. Justeru, artikel ini cuba mengetengahkan pendekatan al-Qushayri (w. 465H) menerapkan nilai-nilai akhlak mulia yang terkandung di sebalik maksud Asmaul Husna dalam kitab beliau berjudul “*al-Tahbīr fi al-Tadhkīr*”. Kajian kualitatif ini menggunakan metode analisis kandungan dan menjadikan teks kitab tersebut sebagai sumber premier. Hasil kajian mendapati al-Qushayri telah membahagikan nama-nama Allah kepada tiga bahagian iaitu ism *al-dhāt*, sifat *al-dhāt* dan sifat *al-fi’l*. Kajian ini ditumpukan kepada perbincangan mengenai nilai akhlak dalam sifat *al-dhāt*. Kajian menunjukkan beberapa nilai akhlak mulia yang terkandung dalam sifat *al-dhāt* yang dituntut bagi setiap Muslim mengamalkannya seperti sifat suci dari sebarang maksiat yang difahami dari maksud sifat *al-Quddus*, sifat *tawaduk* yang difahami dari sifat *al-‘Azīz* dan sebagainya. Kajian menunjukkan penerapan yang dilakukan oleh al-Qushayri adalah berdasarkan kepada metode perbandingan yang merujuk kepada aspek persamaan maksud. Dapatan kajian ini diharapkan mampu menyumbangkan satu pendekatan bermakna dalam perbincangan ilmu tauhid yang mencakupi aspek tasawuf.

Kata Kunci: Akhlak, Asmaul Husna, al-Qushayri, *al-Tahbīr fi al-Tadhkīr*

Abstract: One of the important discussions frequently addressed among Sufi scholars is the concept of *al-takhalluq bi akhlāq Allah* (practicing noble morals as commanded by Allah). This is due to the definition of the concept of Sufism (tasawuf) itself that, according to some scholars, revolves around the building of noble morals. Therefore, this article attempts to highlight al-Qushayri's (d. 465H) approach in applying the noble moral values embedded in *Asmaul Husna* in his book titled "*al-Tahbīr fī al-Tadhkīr*". This qualitative study employs content analysis methodology, using the text of the book as the primary source. The study finds that al-Qushayri has categorised the names of Allah into three: *ism al-dhāt*, *sifat al-dhāt*, and *sifat al-fi'l*. This study focuses on the discussion of moral values in *sifat al-dhāt*. The research indicates several noble moral values found in *sifat al-dhāt* that are required for every Muslim to practice such as, the attribute of being free from any sin which is taken from the concept of the *al-Quddus*; and the attribute of humility, that is taken from the concept *al-'Azīz*, and so on. The study shows that al-Qushayri's application is based on a comparative method referring to the aspects of meaning similarity. The findings of this study are expected to contribute a meaningful approach to the discussion of tawhid, encompassing the aspects of Sufism.

Keywords: Morals, *Asmaul Husna*, al-Qushayri, *al-Tahbīr fī al-Tadhkīr*

Pengenalan

Allah telah mencipta manusia terdiri dari dua unsur utama iaitu jasmani dan rohani. Kedua-dua unsur ini amat memberi kesan kepada kehidupan seorang insan. Rohani yang suci dan jernih pasti akan menghasilkan jasmani yang baik dan berupaya mencapai matlamat kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Dalam perkembangan bidang pengajian Islam, ilmu yang membincangkan secara terperinci mengenai proses penyucian rohani dan pembentukan akhlak mulia seseorang dikenali sebagai ilmu tasawuf. Hukum mempelajarinya adalah wajib bagi setiap individu Muslim untuk mengetahui pelbagai permasalahan berkaitan hati nuraninya (al-Ghazali 2005). Menurut Zarruq (2005), terdapat banyak definisi yang diberikan oleh ulama mengenai tasawuf sehingga menjangkau lebih kurang dua ribu pengertian (*mahiyah*). Antara definisi yang amat relevan dengan kajian yang sedang dijalankan ialah pandangan al-Kattani¹ yang mengatakan bahawa istilah tasawuf bermaksud akhlak. Beliau menambah lagi sesiapa yang semakin bertambah nilai akhlak pada dirinya maka dia sebenarnya memiliki nilai kesufian yang tinggi pada rohaninya (al-Qushayri 2010).

Artikel ini cuba mengkaji pendekatan al-Qushayri (w. 465H) dalam menerapkan nilai-nilai akhlak mulia yang terkandung dalam *Asmaul Husna*. Oleh itu, huraian ringkas mengenai biodata al-Qushayri perlu dibincangkan untuk melihat ketokohnya dalam disiplin ilmu tasawuf. Nama beliau ialah Abdul Karim bin Hawazin bin Abdul Malik bin Talhah bin Muhammad. Beliau lebih terkenal dengan panggilan al-Qushayri (Abdul Ghafir al-Farisi, 2008) yang dilahirkan di sebuah perkampungan di kota Nisabur pada tahun 376 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 465H (al-Baghdadi 2001). Beliau merupakan antara tokoh awal yang berjaya menerapkan aspek tasawuf secara terperinci dalam pelbagai disiplin ilmu Islam dalam beberapa karya hasil penulisannya. Oleh sebab itu, cucu beliau bernama Abdul Ghafir al-Farisi (2008) telah memberikan gelaran kepada al-Qushayri sebagai tokoh ulama sufi sunni yang menggabungkan antara ilmu syariat dan ilmu hakikat (*al-jāmi' bayna al-sharī'ah wa al-haqīqah*).

Pernyataan Masalah Kajian

¹ Beliau adalah Abu Bakr Muhammad bin Ali al-Kattani seorang ulama sufi sezaman dengan al-Junayd meninggal pada tahun 322H.

Penerapan nilai-nilai murni dan akhlak mulia dalam pelbagai bidang ilmu Islam adalah penting bagi melahirkan generasi yang memiliki sahsiah unggul. Menurut Abdul Rahim Abd Rashid (2000) proses ini sepatutnya bermula dari pendidikan di rumah lagi sehingga ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Namun realiti yang berlaku selama ini, perbincangan sebahagian ilmu Islam khususnya bidang tauhid adalah terpisah dari penerapan aspek akhlak. Sedangkan Nabi (S.A.W) sendiri telah memperakui perkaitan yang rapat antara iman seseorang dengan ketinggian akhlaknya sebagaimana maksud Hadis: “Orang yang paling sempurna keimanannya adalah mereka yang paling baik akhlak pekertinya” (al-Bukhari 2002). Menurut Ibrahim Bisnyuni (1972) punca berlakunya pemisahan tersebut adalah kerana perbincangannya banyak tertumpu kepada isu akidah dan perdebatan ilmu kalam semata-mata. Implikasi dari fenomena ini ialah perbincangan disiplin ilmu ini hanya difokuskan kepada aspek perkembangan kognitif dan tidak mampu melahirkan insan yang berakhlak mulia. Justeru, pengkaji memilih untuk menyelidiki sejauh mana sumbangan al-Qushayri dalam menerapkan nilai-nilai akhlak mulia dalam menghuraikan pengertian Asmaul Husna dari perspektif tasawuf dalam karya beliau berjudul “*al-Tahbīr fī al-Tadhkīr*”. Kajian ini hanya ditumpukan kepada perbincangan mengenai nilai akhlak yang terkandung dalam sifat al-dhāt bagi Allah Taala.

Sorotan Literatur

Asmaul Husna merupakan nama-nama mulia yang mengandungi makna sifat bagi zat Allah Taala (Abdul Rahman Hasan Al al-Shaikh 1967). Ulama sepakat mengatakan bahawa Allah memiliki 99 nama sebagaimana disenaraikan dalam Hadis sahih riwayat al-Bukhari (2002). Namun demikian menurut al-Bayhaqi (2009) ia tidak terbatas kepada bilangan tersebut. Hal ini demikian kerana intipati maksud Hadis ini menurutnya, adalah merujuk kepada kelebihan orang yang mempraktikkan tuntutan 99 nama itu akan dimasukkan ke dalam syurga dan bukan menghadkannya kepada satu bilangan tertentu.

Antara perbincangan penting yang dibincangkan dalam kalangan ulama sufi berkaitan dengan Asmaul Husna ialah konsep *al-takhalluq bi akhlaq Allah*. Secara umumnya, konsep ini bermaksud saranan bagi setiap Muslim agar menghiasi diri mereka dengan akhlak dan sifat terpuji yang dapat difahami secara implisit dari maksud Asmaul Husna. Sebagai contoh, “*al-Shakūr*” merupakan salah satu nama Allah bermaksud Yang Maha Bersyukur dan Membalas segala amalan hambaNya. Menurut Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1989), Allah amat mengasihi hambaNya yang bersifat dengan *al-Shakūr* iaitu sentiasa bersyukur ke atas apa jua nikmat yang diberi kepadanya sama ada sedikit mahupun banyak. Namun demikian menurut beliau, tidak semua Asmaul Husna boleh diaplikasikan sebagai akhlak seorang hamba kerana terdapat sifat-sifat yang dikhususkan bagi Allah semata-mata seperti *al-Khāliq* (Yang Maha Pencipta), *al-Razzāq* (Yang Maha Pemberi rezeki) dan sebagainya.

Menurut Ibrahim Bisnyuni (al-Qushayri 1972), al-Qushayri dianggap antara ulama sufi terawal yang membincangkan isu-isu Asmaul Husna mengikut pendekatan disiplin ilmu tasawuf dalam kitab beliau “*al-Tahbīr fī al-Tadhkīr*”. Selepas beliau, usaha ini telah diteruskan oleh al-Ghazali (w. 505H) dengan beberapa penambahbaikan melalui kitabnya berjudul “*al-Maqṣad al-Asnā fī Sharh Asmā’ Allah al-Husnā*”. Menurut Mohd Hasrul Shuhari dan Mohd Fauzi Hamat (2014), al-Ghazali telah menghuraikan dua peringkat dalam memahami Asmaul Husna. Pertama peringkat mengenali dan beriman dengannya. Peringkat kedua mencontohi atau berakhlak dengan makna-makna Asmaul Husna yang difahami secara implisit berpandukan kepada keupayaan individu itu sendiri. Peringkat kedua ini sukar dicapai kerana ia memerlukan kepada tahap kefahaman yang mendalam dan keilmuan yang mantap. Namun menurut mereka,

peringkat ini amat berkaitan dengan persoalan akhlak yang diwajibkan bagi setiap Muslim mengamalkannya.

Zarruq (2007) juga telah menghuraikan kelebihan menjadikan Asmaul Husna sebagai wirid harian dalam karya beliau berjudul "*Sharh Asmā' Allah al-Husnā*". Beliau memulakan huraian dengan menjelaskan maksud setiap nama dari sudut bahasa dan istilah. Kemudian dijelaskan juga bagaimana seorang hamba dapat mendekatkan diri kepada Allah dengan memahami rahsia yang terkandung di dalamnya. Seterusnya setiap perbincangan akan diakhiri dengan huraian mengenai kaifiat berwirid dengan Asmaul Husna dan faedah-faedah yang diperolehi hasil dari amalan tersebut. Kajian mendapati pendekatan Zarruq masih menjadikan kitab "*al-Tahbīr fī al-Tadhkīr*" sebagai model perbincangannya dengan sedikit penambahan dan penambahbaikan.

Tegasnya, usaha untuk megemukakan satu pendekatan yang bersepadu dalam menerapkan elemen tasawuf dalam Asmaul Husna telah dipelopori oleh al-Qushayri sejak kurun ke lima Hijrah lagi. Pendekatan ini telah memberikan pola baharu dalam perbincangan ilmu tauhid yang sebelum ini hanya menekankan isu-isu akidah dan keimanan semata-mata. Diharapkan artikel ini dapat membincangkan dengan terperinci mengenai penerapan nilai akhlak dalam Asmaul Husna yang belum disentuh dalam mana-mana penulisan terdahulu.

Objektif Kajian

Objektif pertama kajian ialah untuk menyelidiki nilai-nilai akhlak yang diterapkan oleh al-Qushayri dalam huraian Asmaul Husna dalam kitab "*al-Tahbīr fī al-Tadhkīr*". Objektif kedua pula ialah menganalisis aspek perkaitan yang dijadikan sebagai asas perbandingan dalam menerapkan nilai-nilai akhlak mulia dalam Asmaul Husna. Berdasarkan objektif tersebut, kajian ini ingin mencari jawapan kepada dua persoalan utama. Pertama ialah persoalan mengenai apakah nilai-nilai akhlak yang diterapkan oleh al-Qushayri dalam Asmaul Husna? Persoalan kedua bagaimanakah nilai-nilai akhlak itu ditonjolkan dalam kitab tersebut?

Metode Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif menggunakan metode analisis kandungan (*content analysis*) yang menjadikan kitab "*al-Tahbīr fī al-Tadhkīr*" karya al-Qushayri sebagai sumber primer. Kajian ditumpukan kepada nilai akhlak mulia yang diterapkan dalam Asmaul Husna. Setelah memperolehi data-data tersebut, pengkaji mengklasifikasikannya mengikut teknik bertema melibatkan penyenaian beberapa nilai-nilai akhlak seperti tawaduk, sabar dan reda, mengharap kepada Allah, zuhud, tawakal dan takut kepada Alla. Seterusnya, data dianalisis dengan menggunakan metode induktif, metode deduktif dan metode komparatif. Metode induktif dan deduktif digunakan untuk menganalisis maklumat secara berterusan bagi menghuraikan masalah yang dikaji. Metode komparatif pula digunakan untuk menyelidiki bentuk-bentuk perkaitan antara nilai-nilai akhlak dan maksud Asmaul Husna. Seterusnya data tersebut dikuatkan dengan beberapa dalil dari Quran dan Hadis sebagai sumber sokongan untuk dijadikan penimbang tara kepada isu-isu tertentu.


Dapatan Kajian

Kajian mendapati al-Qushayri (1968) telah membahagikan Asmaul Husna dalam kitab beliau "*al-Tahbīr fī al-Tadhkīr*" kepada tiga bahagian iaitu:-

- a) *Ism al-dhāt* iaitu lafaz mulia "Allah" yang menjadi nama bagi zatNya.
- b) *Şifat al-dhāt* atau sifat zat iaitu nama-nama yang menjadi sifat bagi zat Allah Taala seperti *al-Bāqī* yang bermaksud Allah bersifat Maha Kekal dan lain-lain lagi.

- c) *Ṣifat al-fi'l* atau sifat perbuatan iaitu nama bagi zat Allah yang merujuk kepada perbuatannya seperti *al-Muhyī* yang bermaksud Allah bersifat Maha Menghidupkan dan sebagainya.

Dalam kitab ini, beliau telah menerapkan beberapa nilai akhlak mulia dalam Asmaul Husna yang dikategorikan sebagai *ṣifat al-dhat* yang mana terdapat aspek perkaitan antara keduanya sebagaimana rajah di bawah:-



Rajah 1: Penerapan Nilai Akhlak dalam Asmaul Husna

Penerapan Nilai Tawaduk dalam Asmaul Husna

Tawaduk dari sudut bahasa ialah merendah diri dan tidak angkuh. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (2003) menukilkan pendapat Ibn al-Mubarak yang mengatakan bahawa tawaduk ialah meletakkan diri tidak merasa lebih tinggi dalam kalangan orang yang lebih rendah kedudukannya darinya. Definisi yang hampir sama juga telah diberikan oleh al-Hasan ketika beliau ditanya mengenai hakikat tawaduk sebagaimana katanya: “*Tawaduk ialah kamu keluar dari rumahmu dalam keadaan melihat orang lain lebih tinggi kelebihannya dari kamu*” (Ibn Abi al-Dunya 1989). Menurut al-Qushayri (1968), hakikat tawaduk itu adalah menerima segala kebenaran dari sesiapa sahaja yang mengatakannya tanpa melihat kedudukannya. Manakala lawan kepada tawaduk ialah takabur yang bermaksud menolak segala kebenaran sekiranya tidak sesuai dengan keinginannya. Dalam hal ini, Allah berfirman:

إِنَّهُمْ كَانُوا إِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يَسْتَكْبِرُونَ

Maksudnya: Sebenarnya mereka orang kafir dahulu apabila dikatakan kepadanya;" (ketahuilah, bahawa) tiada Tuhan yang sebenar-benarnya melainkan Allah" - mereka bersikap takbur mengingkarinya

(Surah al-Saffat:35)

Kajian menunjukkan al-Qushayri (1968) menerapkan nilai tawaduk dalam tiga nama Allah iaitu *al-Mutakabbir*, *al-‘Aliyy* dan *al-Kabīr*. Nama *al-Mutakabbir* diambil dari kata dasar *takabbur* yang bermaksud kesombongan. Ia bermaksud zat Allah yang bersifat Maha Memiliki segala sifat keagungan dan kesombongan. Menurut beliau lagi, takabur merupakan sifat terpuji apabila dinisbahkan kepada zat Allah Taala kerana ia menunjukkan sifat kesombongan dan keangkuhan yang layak bagi zatNya. Namun apabila disandarkan kepada makhluk, maka ia menunjukkan sifat tercela. Manakala *al-‘Aliyy* dan *al-Kabīr* pula bermaksud Allah yang Maha Memiliki segala sifat kebesaran dan ketinggian. Kedua-dua nama ini tidak bermaksud menduduki suatu tempat yang tinggi atau kebesaran zat tertentu. Nama-nama tersebut pada hakikatnya menunjukkan makna sifat keagungan, kehebatan dan kemuliaan Allah Taala. Setiap hamba yang memahami secara mendalam makna tiga sifat zat tersebut, pasti akan merasakan dirinya

lemah dan hina di hadapan Allah. Dia juga merasakan dirinya tiada sebarang kelebihan jika dibandingkan dengan hamba soleh yang lain (al-Qushayri 1968). Justeru, kajian mendapati penerapan nilai akhlak tawaduk adalah berasaskan reaksi dan tumpuan hati setelah memahami dengan mendalam maksud tersirat secara simbolik di sebalik nama-nama tersebut.

Penerapan Nilai Muraqabah dalam Asmaul Husna

Muraqabah ialah keyakinan yang menimbulkan rasa diri sentiasa diperhati dan diawasi oleh Allah (Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah 2003). Hakikat muraqabah ini dapat difahami secara simbolik melalui jawapan Nabi kepada pertanyaan Jibril mengenai makna ihsan (al-Qushayri 2010). Baginda bersabda yang bermaksud “... *bahawa kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya dan sekiranya kamu tidak melihatNya, maka sesungguhnya Allah pasti melihat kamu*” (al-Bukhari 2002). Menurut al-Ghazali (2005), muraqabah merupakan faktor pendorong kepada keikhlasan dalam beramal. Setiap hamba dikehendaki melakukan muraqabah terhadap dirinya dahulu sebelum atau ketika sedang beramal mengenai apakah faktor yang mendorongnya melakukan amalan tersebut. Sekiranya ia dilakukan kerana menjunjung perintah Allah maka hendaklah dilaksanakan amalan tersebut. Namun jika pendorongnya bukan kerana Allah maka hendaklah ditinggalkannya kerana itulah hakikat ikhlas dalam beramal. Firman Allah:

إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah sentiasa menjaga dan mengawasimu”
(Surah al-Nisa’:1)

Kajian menunjukkan al-Qushayri (1968) menerapkan nilai muraqabah dalam dua nama Allah iaitu *al-Samī’* dan *al-Baṣīr*. Nama *al-Samī’* bermaksud Allah yang bersifat Maha Mendengar. Manakala *al-Baṣīr* pula bermaksud Allah yang bersifat Maha Melihat. Menurut beliau lagi kedua-dua nama ini menunjukkan sifat tambahan bagi ilmuNya. Ia bermaksud tiada suatu pun perkara di dunia ini yang terlepas dan terhalang dari pendengaran dan penglihatan Allah Taala. Setiap hamba yang beriman dengan penuh yakin sifat mendengar dan melihat Allah pasti akan merasakan dirinya sentiasa dibawah muraqabah Allah Taala. Justeru, asas penerapan nilai akhlak muraqabah dalam *al-Samī’* dan *al-Baṣīr* adalah berdasarkan kepada reaksi dan tumpuan hati setelah memahami dengan mendalam maksud yang tersirat secara simbolik dalam kedua-dua nama tersebut.

Penerapan Nilai Sabar dan Reda dalam Asmaul Husna

Menurut Ruwaym ², sabar ialah menahan diri dari mengadu kepada selain Allah (al-Qushayri 2010). Ia juga ditakrifkan sebagai menahan diri dari meluahkan rasa tidak puas hati kepada takdir (Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah 1989). Manakala reda pula telah ditakrifkan oleh guru al-Qushayri (2010) bernama al-Daqqaq sebagaimana katanya: “*Reda bukanlah bermaksud kamu tidak merasa kepahitan ujian yang menimpamu, tetapi reda yang sebenar ialah kamu tidak mempertikaikan apa juga ujian yang menimpamu bahkan kamu menerima dengan hati terbuka*”. Ali al-Jurjani (2003) pula memberikan rumusan definisi al-Daqqaq dengan mengatakan reda ialah penerimaan hati dengan penuh kerelaan tentang kepahitan qada yang telah ditentukan oleh Allah Taala. Al-Qushayri (1968) dilihat menggabungkan antara sabar dan reda kerana sifat sabar akan membuahkan rasa reda di dalam hati seorang hamba. Sebahagian

² Beliau ialah Abu Muhammad Ruwaym bin Ahmad merupakan ulama sufi terkenal yang berasal dari Baghdad. Beliau merupakan seorang muqri’ dan alim dalam ilmu fikah dari mazhab Dawud al-Zahiriyy. Wafat pada tahun 303H.

ulama mengatakan bahawa hukum sabar adalah wajib, manakala hukum reda pula adalah sunat dan amat dituntut (Ibn Taymiyyah 2005). Oleh itu dapat disimpulkan bahawa setiap individu yang reda pasti sabar menghadapi dugaan Allah. Sebaliknya, tidak semua orang yang sabar akan bersifat reda dengan musibah yang menimpa.

Kajian menunjukkan al-Qushayri (1968) menerapkan nilai sabar dan reda dalam nama Allah *al-‘Adl* (Yang Maha Adil). Menurut beliau nama ini bermaksud Allah bersifat Maha Adil menentukan sejak azali lagi sebarang ketentuan kepada hambaNya menurut kehendakNya. Beliau menjelaskan lagi setiap hamba yang mengetahui bahawa segala ujian hidup adalah dari Allah pasti akan menghadapinya dengan penuh kesabaran. Sifat ini dengan mudah dapat dicapai kerana beliau yakin bahawa Allah Maha Adil dalam setiap perbuatannya. Hal ini bertepatan dengan saranan kepada Nabi Muhammad supaya bersabar dengan segala ujian yang dilalui kerana Allah sentiasa mengawasinya sebagaimana firmanNya:

وَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا

Maksudnya: Dan (dengan yang demikian) bersabarlah (wahai Muhammad) menerima hukum Tuhanmu (memberi tempoh kepada mereka), kerana sesungguhnya engkau tetap terselamat dalam pemeliharaan serta pengawasan Kami”

(Surah al-Tur:48)

Seseorang yang sabar dalam menghadapi suatu ujian pasti akan berusaha untuk mencapai kedudukan yang lebih tinggi selepas sabar iaitu makam reda. Abu Uthman al-Maghribi berkata: “Hati para Arifin³ sentiasa sabar dan reda menerima sebarang ketentuan takdir Allah Taala” (al-Qushayri 1968). Hal ini demikian kerana setiap hamba hendaklah yakin bahawa Allah bersifat Maha Adil dalam memilih sesiapa sahaja untuk diuji. Beliau juga dikehendaki yakin bahawa Allah pasti tidak akan menzalimi hambaNya bahkan manusialah yang selalu menzalimi dirinya sendiri sebagaimana firman Allah Taala:

وَمَا ظَلَمَهُمُ اللَّهُ وَلَكِنْ كَانُوا أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ

Maksudnya: “Allah tidak menzalimi mereka, bahkan Merekalah yang (selalu) menzalimi diri mereka sendiri”

(Surah al-Nahl: 33)

Justeru, asas penerapan nilai akhlak sabar dan reda dalam *al-‘Adl* adalah berdasarkan kepada reaksi dan tumpuan hati setelah memahami dengan mendalam maksud tersirat secara simbolik dalam nama tersebut.

Penerapan Nilai Tawakal dalam Asmaul Husna

Tawakal adalah sifat kebergantungan hati hanya kepada Allah (al-Qushayri 2010). Ia bermaksud kepercayaan mantap yang dicapai oleh seorang hamba mengenai ketentuan Allah sehingga dia tidak bergantung kepada makhluk bahkan segalanya diserahkan hanya kepadaNya semata-mata. Dalam hal ini, al-Qushayri (2010) menyifatkan bahawa hati orang yang telah mencapai makam tawakal tidak akan terkesan walaupun binatang buas dan ular yang berbisa berada di sekelilingnya. Ini kerana hatinya ketika itu telah menyerahkan segala urusan hanya kepada Allah. Al-Quran telah menjelaskan sebagaimana ayat berikut:

³ Orang yang telah mencapai tahap makrifah Allah iaitu mengenal hakikat dan rahsia-rahsiaNya

وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ

Maksudnya: “Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya).
(Surah al-Talaq”3)

Sifat tawakal juga merupakan salah satu tanda keteguhan dan kemantapan iman kepada Allah Taala. Menurut Abdul Qadir Isa (2013), semakin teguh makrifah seseorang tentang sifat-sifat Allah maka semakin tinggi nilai tawakal dalam hatinya. Atas dasar ini, maka Allah telah mengaitkan tawakal dengan keimanan seseorang sebagaimana firmanNya:

وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

Maksudnya: “Dan dengan yang demikian maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman berserah diri”.
(Surah Ibrahim:11)

Kajian menunjukkan al-Qushayri (1968) menerapkan nilai tawakal dalam dua nama Allah iaitu *al-Hayy* dan *al-Qayyum*. Menurut beliau nama *al-Hayy* bermaksud sifat Maha Hidup Allah Taala tidak diakhiri dengan kematian dan kebinasaan. Manakala *al-Qayyum* pula ialah sifat Maha Berdiri pada zatNya yang menguruskan segala urusanNya sendiri tidak bergantung kepada campur tangan makhluk. Tambahnya lagi, individu Muslim yang yakin sepenuhnya tentang dua sifat ini pasti akan sentiasa bertawakal dan menyerahkan segala urusannya hanya kepada Allah. Di samping itu, dia tidak akan bergantung kepada makhluk kerana sifatnya juga lemah sepertinya dan memerlukan bantuan pihak lain demi kelangsungan hidup. Justeru, penerapan nilai akhlak tawakal dalam *al-Hayy* dan *al-Qayyum* adalah berdasarkan kepada reaksi dan tumpuan hati setelah memahami dengan mendalam maksud yang terkandung secara simbolik dalam kedua-dua nama tersebut.

Penerapan Nilai Zuhud dalam Asmaul Husna

Ulama sufi mendefinisikan zuhud sebagai memandang hina segala kemewahan dunia supaya hilang rasa kasih dalam hati untuk meninggalkannya. Pendirian ini dapat dicapai dengan mudah tanpa dibuat-buat setelah difahami betapa tinggi nilai akhirat berbanding dunia yang sementara (al-Qushayri 2010). Allah berfirman dalam Quran:

وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهْوٌ وَلَعِبٌ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan; dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya; kalaulah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat).

(Surah al-‘Ankabut:64)

Ahmad bin Hanbal telah membahagikan zuhud kepada tiga peringkat iaitu zuhud orang awam, zuhud golongan khawas dan yang tertinggi dikenali sebagai zuhud khawas al-khawas. Zuhud awam ialah meninggalkan perkara yang diharamkan oleh Allah Taala. Manakala peringkat

kedua zuhud khawas ialah meninggalkan sebahagian perkara halal yang tidak diperlukan. Peringkat yang tinggi sekali pula ialah meninggalkan segala perkara yang boleh melalaikan diri dari mengingati Allah Taala (al-Qushayri 2010).

Kajian menunjukkan al-Qushayri (1968) menerapkan nilai zuhud dalam nama Allah *al-Şamad*. Beliau menjelaskan bahawa *al-Şamad* mengandungi banyak maksud antaranya Allah Tuhan yang Maha Kekal, Tuhan yang menjadi tumpuan segala kebaikan dan Tuhan yang menjadi tempat bergantung bagi setiap makhluk. Tambahnya lagi, individu Muslim yang yakin dengan sifat kekal Allah dan percaya bahawa kemewahan dunia adalah sementara pasti akan bersifat zuhud mengikut peringkat yang diberikan oleh Imam Ahmad. Semakin tinggi keyakinan dengan maksud *al-Şamad* maka semakin tinggi peringkat zuhud yang dapat dicapai. Para cerdik pandai dalam kalangan ulama sufi berkata: “Sekiranya dunia diibaratkan seperti emas tetapi bersifat sementara yang berakhir dengan kebinasaan dan akhirat pula dibandingkan dengan tembikar yang diperbuat dari tanah liat tetapi bersifat kekal, nescaya orang yang berakal akan memilih tembikar yang kekal sifatnya dan meninggalkan emas yang pasti akan hancur binasa. Oleh itu bagaimanakah pandangan anda dengan kemewahan dunia yang pada hakikatnya merupakan tanah yang binasa tidak kekal berbanding dengan akhirat yang kekal selamanya (al-Qushayri 1968). Justeru, penerapan nilai zuhud dalam *al-Şamad* adalah berasaskan kepada reaksi dan tumpuan hati setelah memahami dengan mendalam maksud yang tersirat secara simbolik dalam nama tersebut.

Penerapan Nilai Malu dalam Asmaul Husna

Malu merupakan pekerti seseorang yang sentiasa mendorongnya meninggalkan sesuatu keburukan (Ibn Hajar al-‘Asqalani 2013). Sifat malu merupakan sebahagian dari cabang iman sebagaimana sabda Nabi (S.A.W) yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim:

فإن الحياء من الإيمان

Maksudnya: “Maka sesungguhnya sifat malu itu adalah sebahagian daripada iman”
(Muhammad Fuad Abdul Baqi 2004).

Dapat difahami dari maksud Hadis di atas bahawa iman seorang hamba yang telah hilang sifat malu dalam dirinya adalah cacat dan tidak sempurna. Menurut Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (2004), malu menduduki tempat utama dalam senarai akhlak terpuji kerana ciri-ciri manusiawi akan tersirna tanpanya. Oleh sebab itu, individu yang memiliki sifat malu mudah baginya untuk menghiasi diri dengan nilai-nilai akhlak mulia yang lain. Sebaliknya, orang yang tidak bersifat malu akan sukar baginya mempunyai pekerti yang terpuji.

Kajian menunjukkan al-Qushayri (1968) telah menerapkan nilai malu dalam nama Allah *al-Muhymin*. Menurut beliau, nama *al-Muhymin* mengandungi banyak maksud antaranya ialah Allah yang bersifat Yang Maha Memerhati, Maha Memelihara dan Maha Menyaksikan. Beliau menjelaskan bahawa setiap Muslim yang beriman bahawa Allah sentiasa memerhati dan menyaksikan setiap tindak tanduk hambaNya pasti akan merasa malu untuk melakukan sesuatu yang melanggar syarak. Sifat malu diamalkan oleh para Arifin pada setiap masa dan ketika walaupun semasa bersendirian. Diceritakan bahawa pada suatu ketika, seorang tokoh sufi terkenal bernama Ibrahim bin Adham telah melunjurkan kakinya selepas melakukan solat pada malam hari. Maka tiba-tiba terdengar satu suara yang tidak diketahui dari mana datangnya menegur beliau dengan berkata: “Adakah begini tuan hamba duduk di hadapan para pembesar dan raja?. Telah menjadi kebiasaan dalam kalangan ahli sufi, mereka tidak melunjurkan kaki

walaupun ketika berseorangan kerana menjaga adab bersama Allah (al-Qushayri 1968). Justeru, penerapan nilai akhlak malu dalam *al-Muhaymin* adalah berdasarkan reaksi dan tumpuan hati setelah memperoleh kefahaman mendalam tentang maksud yang tersirat secara simbolik dalam nama tersebut.

Penerapan Nilai *Rajā'* (Mengharap kepada Allah) dalam Asmaul Husna

Rajā' bermaksud kebergantungan hati hamba hanya kepada Allah untuk mendapatkan segala bentuk kebaikan pada masa akan datang (al-Qushayri 2010). Seseorang yang memiliki sifat *rajā'* dapat merasakan keluasan rahmat Allah. Dalam hal ini Allah berfirman:

مَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ اللَّهِ فَإِنْ أَجَلَ اللَّهُ لَكَ

Maksudnya: “Sesiapa yang percaya akan pertemuannya dengan Allah (untuk menerima balasan), maka sesungguhnya masa yang telah ditetapkan oleh Allah itu akan tiba (dengan tidak syak lagi)

(Surah al-‘Ankabut:5)

Rajā' berbeza dengan sifat *tamannī* yang bermaksud panjang angan-angan tanpa disertai dengan usaha dan ikhtiar. Sedangkan konsep *rajā'* dimulai dengan menggunakan segala daya upaya untuk mencapai kebaikan yang dikehendaki. Kemudian ia perlu disusuli pula dengan harapan agar beroleh keredaan Allah (al-Qushayri 2010) sebagaimana firmanNya:

فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا

Maksudnya: “Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada Tuhannya”.

(Surah al-Kahf:110)

Kajian menunjukkan al-Qushayri (1968) menerapkan nilai *rajā'* dalam *al-Qawiyy* dan *al-Matīn*. Menurut beliau, *al-Qawiyy* bermaksud Allah bersifat Maha Kuat berkuasa atas setiap perkara. Manakala *al-Matīn* pula bermaksud Allah yang bersifat Maha Teguh tidak memerlukan kepada pertolongan makhluk kerana Dia melakukan apa sahaja mengikut kehendakNya. Setiap individu Muslim yang beriman dengan penuh keyakinan bahawa Allah bersifat *al-Qawiyy* dan *al-Matīn* pasti akan sentiasa berhajat kepadaNya untuk mencapai segala keinginan yang dikehendaki. Kisah Nabi Ibrahim yang meninggalkan keluarganya di lembah kering kontang merupakan contoh ideal bagi sifat *rajā'* hamba kepada Penciptanya. Walaupun dari sudut logik akal adalah tidak wajar meninggalkan mereka berada di lembah itu (al-Qushayri 1968). Justeru, penerapan nilai akhlak *rajā'* dalam *al-Qawiyy* dan *al-Matīn* adalah berdasarkan kefahaman yang mendalam kepada maksud yang tersirat secara simbolik dalam kedua-dua nama tersebut.

Penerapan Nilai Menjauhi Maksiat dalam Asmaul Husna

Maksiat bermaksud perbuatan melanggar perintah Allah yang dilakukan dengan sengaja (Zakaria al-Ansari 1991). Menurut Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (2007) berlaku maksiat

disebabkan dua perkara iaitu meninggalkan perkara yang disuruh syarak dan kedua melakukan perkara yang dilarang syarak. Menurutny lagi maksiat boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu maksiat yang menyebabkan dosa besar dan kedua maksiat yang menyebabkan dosa kecil. Antara ciri orang yang bertaqwa dan beramal saleh ialah mereka sentiasa menjauhkan diri dari sebarang dosa sama ada kecil atau besar sebagaimana Firman Allah Taala:

﴿الَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبِيرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّمَمَ إِنَّ رَبَّكَ وَاسِعُ الْمَغْفِرَةِ﴾

Maksudnya: “(Iaitu) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji, kecuali salah silap yang kecil-kecil (yang mereka terlanjur melakukannya, maka itu dimaafkan). Sesungguhnya Tuhanmu Maha Luas keampunanNya”.

(Surah al-Najm:32)

Al-Qushayri (1968) menerapkan nilai menjauhkan diri dari maksiat dalam dua nama iaitu *al-'Alīm* dan *al-Khabīr*. Walaupun dua nama ini menunjukkan makna yang hampir sama iaitu Maha Mengetahui, namun sebenarnya terdapat sedikit perbezaan antara kedua-duanya. Menurut Ibn Manzur (2009) sifat mengetahui pada nama *al-Khabīr* bermaksud mengetahui hakikat suatu perkara dan ia mengandungi makna yang lebih mendalam berbanding maksud *al-'Alīm*. Setiap individu Muslim yang beriman dengan penuh keyakinan bahawa Allah bersifat Maha Mengetahui sama ada perkara yang nyata mahupun tersembunyi pasti tidak berani melakukan sebarang maksiat. Dia juga akan sentiasa memelihara segala urusan kehidupan berkaitan dengan perbuatan, percakapan dan lintasan hati kerana kesemuanya berada di bawah pengetahuan Allah (al-Qushayri 1968). Justeru, asas penerapan nilai akhlak menjauhkan diri dari sebarang maksiat dalam *al-'Alīm* dan *al-Khabīr* adalah berdasarkan kefahaman yang mendalam kepada maksud tersirat secara simbolik dalam kedua-dua nama tersebut.

Perbincangan

Hasil kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan terdapat sembilan nilai akhlak yang diterapkan oleh al-Qushayri dalam enam belas Asmaul Husna yang berkaitan dengan sifat zat Allah Taala. Nilai akhlak tersebut ialah tawaduk, muraqabah, sabar, reda, raja', tawakal, zuhud, malu dan menjauhi maksiat. Kajian juga menunjukkan tidak semua sifat zat yang diterapkan dengan nilai-nilai akhlak mulia antaranya seperti nama *al-Jalīl*, *al-Karīm* dan sebagainya. Namun tidak dijelaskan pula mengapa nama-nama tersebut tidak diterapkan sebarang nilai akhlak mulia yang mengandungi ciri-ciri perkaitan antara kedua-duanya. Kajian mendapati nama-nama Allah yang tidak diterapkan nilai akhlak adalah disebabkan perbincangannya lebih ditumpukan kepada huraian mengenai maksud nama-nama tersebut dan pandangan ulama mengenainya. Sebagai contoh, nama *al-Karīm* telah dihuraikan maksudnya dengan memaparkan hampir sepuluh pandangan ulama mengenai definisi nama tersebut dari sudut bahasa dan istilah. Hasil kajian ini telah menjawab persoalan kajian pertama iaitu menyelidiki nilai-nilai akhlak yang diterapkan oleh al-Qushayri dalam Asmaul Husna dalam kitab “*al-Tahbīr fī al-Tadhkīr*”.

Kajian juga menunjukkan penerapan nilai akhlak dalam Asmaul Husna adalah berdasarkan kefahaman yang mendalam kepada maksud tersirat secara simbolik dalam nama Allah yang berkaitan sifat zatNya. Sebagai seorang tokoh ulama sufi terkenal, al-Qushayri telah berjaya membawa pendekatan baharu dalam perbincangan ilmu tauhid dengan menerapkan aspek akhlak dan adab dalam perbincangannya. Pendekatan ini dimulai dengan huraian mengenai maksud

Asmaul Husna secara ringkas dari sudut bahasa dan istilah. Namun terdapat juga huraian yang agak mendalam mengenai maksud sebahagian Asmaul Husna yang memerlukan penjelasan yang lebih terperinci. Setelah difahami maksudnya, beliau menjelaskan dengan panjang lebar mengenai nilai akhlak dan adab yang perlu diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Penerapan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada reaksi dan tumpuan hati setelah memahami dengan mendalam maksud yang tersirat secara simbolik dalam Asmaul Husna. Hasil kajian ini telah menjawab persoalan kajian kedua iaitu bagaimanakah nilai-nilai akhlak itu ditonjolkan dalam kitab tersebut.

Metode al-Qushayri ini boleh dianggap sebagai pelopor dan perintis kepada usaha menerapkan nilai-nilai tasawuf dalam disiplin ilmu tauhid yang berkaitan dengan Asmaul Husna. Selain bidang tauhid, beliau juga telah menerapkan elemen tasawuf dalam disiplin ilmu tafsir⁴, ilmu sirah⁵, ilmu nahu Arab⁶ dan lain-lain lagi (Ibrahim Bisnyuni 1972). Melalui kitab “*al-Tahbīr fī al-Tadhkīr*”, beliau telah berusaha membawa pemikiran pembaca daripada perbincangan yang tertumpu hanya kepada memahami secara teori isu-isu berkaitan Asmaul Husna kepada usaha merealisasikan tuntutan setiap nama Allah secara amali dan praktikal. Pendekatan ini sebenarnya bertepatan dengan saranan Hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah seperti berikut:

ان لله تسعا وتسعين اسما مائة إلا واحدا من أحصاها دخل الجنة

Maksudnya: “Sesungguhnya bagi Allah terdapat 99 nama yakni 100 kurang satu nama sesiapa yang menghitungnya akan masuk syurga”

(al-Bukhari 2002).

Terdapat banyak pandangan ulama mengenai maksud perkataan “أحصى” (menghitung) dalam Hadis ini. Antara pandangan tersebut menjelaskan bahawa maksudnya ialah mengamal dan mempraktikkan segala makna dan tuntutan Asmaul Husna dalam kehidupan (Ibn Hajar 2013). Contohnya, seorang hamba yang beriman dengan nama Allah *al-Basīr* (Yang Maha Melihat), maka dari sudut praktikalnya ia pasti akan menjauhi diri dari sebarang maksiat kerana segala perlakuannya disaksikan oleh Allah walaupun di tempat yang tersembunyi dari pandangan makhluk. Justeru, inilah kesan akhlak yang mendalam setelah menghayati maksud yang tersirat dalam nama tersebut.

Kajian juga menunjukkan penekanan al-Qushayri terhadap kefahaman mendalam tentang makna Asmaul Husna dan mengamalkan segalauntutannya merupakan manifestasi kepada peringkat tumpuan hati dalam amalan zikir mengingati Allah. Menurut Ibn Ajibah (2008) terdapat beberapa peringkat tumpuan hati ketika berzikir iaitu *al-yaqazah*, *al-hudur* dan *al-ghaybah*. Peringkat pertama iaitu memahami maksud Asmaul Husna dari sudut Bahasa dan istilah. Ia dikategorikan sebagai peringkat *al-yaqazah* kerana hati mula terjaga untuk memahami maksud setiap nama Allah yang dibaca. Peringkat kedua pula peningkatan tumpuan hati yang sentiasa menghadirkan nama Allah di dalam hati di setiap masa dan ketika. Tahap ini dikenali sebagai *al-hudur*. Manakala peringkat tertinggi ialah *al-ghaybah* iaitu hilang lenyap segala perkara selain Allah kerana yang wujud dalam hatinya hanya sifat-sifat Allah yang terkandung dalam Asmaul Husna sehingga sebatia ia dalam setiap pergerakan dan tindakan hamba.

⁴ Kitab tafsir beliau “*Latā’if al-Ishārāt*”

⁵ Kitab sirah beliau “*al-Mi’rāj*”

⁶ Dua kitab nahu beliau “*Nahw al-Qulūb al-Kabīr*” dan “*Nahw al-Qulūb al-Saghīr*”

Penutup

Kajian menyimpulkan bahawa al-Qushayri telah mengetengahkan satu pendekatan baharu dalam disiplin pengajian ilmu tauhid berkaitan Asmaul Husna. Beliau merupakan tokoh ulama sufi perintis yang berjaya menerapkan nilai-nilai akhlak mulia dalam Asmaul Husna. Asas penerapan adalah berpandukan kefahaman mendalam terhadap maksud tersirat dalam setiap nama Allah. Pendekatan ini telah menyerlahkan lagi ketokohan beliau sehingga dikenali sebagai tokoh ulama sufi sunni yang menggabungkan antara aspek syariat dan hakikat. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberikan satu sumbangan bermakna kepada pihak penggubal dasar dalam usaha membangunkan satu kurikulum bersepadu mencakupi aspek nilai murni dan aspek kerohanian.

References

- al-Quran al-Karim.
- al-Bayhaqi, Abu Bakar Ahmad bin al-Hasan bin Ali (2009). *al-Asmā' wa al-Sifāt*, Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu 'Abd Allah (2002). *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*, Beirut: Dar Ibn Kathir.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (2005). *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Lubnan: Dar al-Kitab al-Arabiyy.
- Ali al-Jurjani (2003), *al-Ta'rifāt*, Mesir: Maktabah al-Quran
- al-Qushayri, 'Abd al-Karim bin Hawazin (2010). *al-Risālah al-Qushayriyyah*. Mesir: Sharikah al-Quds lil-Tijarah.
- al-Qushayri, 'Abd al-Karim bin Hawazin (1968). *al-Taḥbīr fī al-Tadhkīr*. Kaherah: Dar al-Katib al-'Arabiyy.
- Abdul Ghāfir al-Farisi (2008), *al-Muntakhab min Al-Siyāq li Tārīkh Nīsābūr, intakhabahu Ibrahim bin Muhammad*, Mesir: Maktabah al-Thaqāfah al-'Ilmiyyah.
- Abdul Qadir Isa (2013) *Haqā'iq 'an al-Taṣawwuf*, Syria: Dār al-'Irfān.
- Abdul Rahman Hasan Al al-Shaykh (1967). *Fath al-Majid Sharh Kitab al-Tawhid*, Makkah al-Mukarramah: Matba'ah al-Hukumah
- Abd Rahim Abd Rashid (2000), *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abu al-Wafa al-Ghunaymi al-Taftazani (1979). *Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islami*, Kaherah: Dar al-Thaqafah.
- Ibn Abi al-Dunya (1989). *al-Tawādu' wa al-Khumūl*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Ajibah, Abu Abbas Ahmad bin Muhammad bin al-Mahdi (2008). *Īqāz al-Himam fī Sharḥ al-Hikam*, Mesir: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Ibn Hajar al-Asqalani (2013). *Fath al-Bari bi Sharḥ Sahih al-Bukhari*, tahkik Shu'aib al-Arnaut dan Adil Murshid, Damsyiq: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah
- Ibn Taymiyyah (2005). *Majmu' Fatawa Ibn Taymiyyah*, Mesir, Dar al-Wafa'
- Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abu Bakar Ayyub al-Zar'iy al-Jawziyyah (2004). *Miftāh Dār al-Sa'ādah*, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abu Bakar Ayyub al-Zar'iy al-Jawziyyah (2003). *Madārij al-Sālikin bayna Manāzil Iyyāka Na 'budu wa Iyyāka Nasta 'īn*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyy.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abu Bakar Ayyub al-Zar'iy al-Jawziyyah (1989). *'Uddah al-Sābirīn wa Dhakhīrah al-Shākirīn*, Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abu Bakar Ayyub al-Zar'iy al-Jawziyyah (2007). *Al-Dā' wa al-Dawā'*, Mesir: Maktabah al-Iman.
- Ibn Manzūr, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram bin Ali (2009). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Ibrahim Bisyuni (1972). *al-Imām al-Qushayri Sīratuh, Athāruhu, Madhhabuhu fī al-Taṣawwuf*. Kaherah: al-Maktabah al-Misriyyah.
- Mohd Hasrul dan Mohd Fauzi Hamat (2014). *al-Maqsad al-Asna Sebagai Karya Akidah al-Ghazali*, dalam *Afkar Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, vol 15 no. 1, halaman 1-43
- Muhammad Fuad ‘Abd al-Baqi (2004), *al-Lu’lu’ wa al-Marjān*. Mesir: Dar al-Athar
- Mustafa al-‘Arusi (2007). *Nata’ij al-Afkar al-Qudsiyyah fī Bayan Ma’ani Sharh al-Risalah al-Qushayriyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Zakaria Muhammad al-Ansari (2000). *Ihkam al-Dalalah ‘ala Tahrir al-Risalah al-Qushayriyyah* Damsyiq: Dar al-Nu‘man li al-‘Ulum
- Zakaria Muhammad al-Ansari (1991), *al-Hudud al-Aniqah wa al-Ta’rifat al-Daqiqah* Lubnan: Dar al-al-Fikr al-Mu’asir
- Zarruq al-Fasi (2005), *Qawā’id al-Tasawwuf*, Lubnan: Dal-al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Zarruq al-Fasi (2007), *Sharh Asmā’ Allah al-Husnā*, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah